

U B413 AAB  
UMNO - KUKUH

JOHOR BAHRU, 11 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA TRADISI DAN ADAT RESAM YANG TIDAK MENCABAR KEPIMPINAN PARTI TELAH MENJADIKAN IA LEBIH KUAT WALAUPUN TIDAK SEMUA YANG DIBUAT OLEH PEMIMPIN DIPERSETUJUI SERATUS PERATUS OLEH ANGGOTA-ANGGOTA.

PERDANA MENTERI BERKATA SEMANGAT PERPADUAN DAN TRADISI SERTA SOPAN-SANTUN BANGSA MELAYU TELAH BERJAYA MEMBENTUK SEBUAH PARTI POLITIK YANG KUKUH DI KALANGAN RAKYAT SATU BANGSA YANG HAMPIR TIDAK MEMPUNYAI PENGALAMAN DALAM BIDANG POLITIK, JAUH SEKALI POLITIK BERPARTI DAN DEMOKRASI.

SEMASA BERUCAP DALAM RAPAT RAKSAKSA MENYAMBUT HARI KELAHIRAN UMNO YANG KE-43 DI PERKARANGAN ISTANA BESAR DI SINI, PRESIDEN UMNO ITU BERKATA DALAM PERKATAAN LAIN, UMNO TELAH BERJAYA MENJADIKAN ORANG MELAYU SATU BANGSA YANG CUKUP SOFISTIKATED DALAM BIDANG POLITIK.

IA BOLEH MENGEMBLENGKAN TENAGA ORANG MELAYU DALAM SATU JENTERA POLITIK YANG BERKESAN DAN BERWIBAWA SEHINGGA SUKAR DIMALAHKAN, SAMBIL MENAMBAH KATA DEMIKIANLAH BERKESANNYA PERJUANGAN UMNO SEHINGGA SEKARANG DI MANA SETIAP ORANG MELAYU DAN RAKYAT MALAYSIA YANG LAIN SECARA LANGSUNG ATAU TIDAK, MENDAPAT NIKMAT DARIPADANYA.

INI SEMUA, TAMBAH BELIAU, ADALAH HASIL SEMANGAT, TRADISI DAN ADAT YANG MEMBAWA ORANG MELAYU SERTA PERTUBUHAN-PERTUBUHAN MEREKA KE SUATU KONGRES PADA 1 MEI, 1946. -- LAGI  
2033MST 11 05 89

U B414 AAB  
UMNO - KUKUH 2 JOHOR BAHRU

TETAPI PADA TAHUN 1984, TIMBALAN PRESIDEN UMNO YANG DIPILIH PADA TAHUN 1981, TELAH DICABAR DAN SEGALA NASIHAT SUPAYA TIDAK DILANGGAR TRADISI DAN ADAT UMNO SERTA ORANG-ORANG MELAYU, TIDAK DIHIRAUKAN, KATANYA.

TANPA MENYEBUT NAMA PEMIMPIN BERKENAAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEMANGAT UMNO SUDAH LUPUT DALAM HATI PENCABAR ITU DAN SEBENARNYA PADA KETIKA ITU, DIA SUDAH MENGASINGKAN DIRINYA DARIPADA UMNO.

KATANYA, YANG MENDORONG PENCABAR ITU BUKANLAH SEMANGAT UMNO TETAPI KEPENTINGAN DIRI YANG MENDESAK SUPAYA APA SAHAJA DILAKUKAN, TERMASUKLAH MEMBINASAKAN UMNO.

PERDANA MENTERI BERKATA PENCABAR ITU JUGA MEMBUAT PERCUBAAN MEREbut JAWATAN PRESIDEN PADA TAHUN 1987 DENGAN MEMBERIKAN BEBERAPA ALASAN, TERMASUK KEMELESETAN EKONOMI NEGARA DISEBABKAN KERAJAAN TIDAK CEKAP.

TETAPI SEBENARNYA INI SEMUA ADALAH ALASAN YANG DIADAK-ADAKAN OLEHNYA SAHAJA KERANA YANG PENTING DAN UTAMA BAGINYA IALAH UNTUK MEREbut JAWATAN PRESIDEN DAN SETERUSNYA MENJADI PERDANA MENTERI. -- LAGI  
2035MST 11 05 89

U B415 AAB  
UMNO - KUKUH 3 JOHOR BAHRU

BELIAU MENGHURAIKAN BAHAWA PADA MASA LEPAS, PEMIMPIN-PEMIMPIN PARTI BERKHIDMAT DENGAN IKHLAS DAN YANG LAINNYA PULA TIDAK CEMBURU MALAH MEMBERIKAN SOKONGAN PENUH KEPADA PEMIMPIN YANG TERPILIH DAN MEMINTA ANGGOTA-ANGGOTA LAIN PERTUBUHAN ITU SUPAYA MENERIMA KEPIMPINAN BERKENAAN.

KATANYA, TIDAK ADA PERTANDINGAN BAGI JAWATAN PRESIDEN, TIMBALAN PRESIDEN ATAU NAIB PRESIDEN, HANYA JIKA ADA MANA-MANA KEKOSONGAN PADA JAWATAN-JAWATAN TERSEBUT KECUALI DISEBABKAN KEMATIAN ATAU LAIN-LAIN, MAKA BARULAH ADA PERTANDINGAN.

JIKA TIDAK, SEMUA NAIB PRESIDEN, TIMBALAN PRESIDEN DAN PRESIDEN MENANG TANPA BERTANDING, TAMBAHNYA.

MENURUT PERDANA MENTERI, KETERTIBAN DALAM UMNO MENGUKUHKAN PARTI DAN MENAMBAH KREDIBILITI PEMIMPIN KERANA HANYA DENGAN KEWIBAWAAN SEDEMIKIAN, PENDAPATNYA AKAN DIHORMATI DAN DIPERCAYAI OLEH SEMUA PIHAK.

MUNGKIN ADA YANG BERPENDAPAT INI TIDAK DEMOKRATIK TETAPI PERKARA TIDAK BERTANDING DAN PERLANTIKAN SEMULA JUGA ADA BERLAKU DALAM DEMOKRASI, KATANYA. -- LAGI

2037MST 11 05 89

0933

U B416 AAB  
UMNO - KUKUH 4 JOHOR BAHRU

HASIL DARIPADA ADAT DAN TRADISI UMNO YANG TIDAK BEREPUT-REPUT JAWATAN MEMBOLEHKAN UMNO KUKUH DAN STABIL DAN PEMIMPINNYA DIANGGAP SUARA PARTI APABILA MEREKA BERUNDING DENGAN PIHAK LAIN.

+TIDAK ADA SESIAPA DARIPADA PARTI MENOLAK PENDAPAT YANG DISUARAKAN OLEH PEMIMPIN. KUASA-KUASA YANG DIBERI KEPADA PEMIMPIN DIHORMATI OLEH SEMUA PIHAK,+ KATANYA.

UMNO, KATANYA, MEMPUNYAI JENTERA SENDIRI UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH TANPA CAMPUR TANGAN ORANG LUAR KERANA JIKA TIDAK ADA KEPERCAYAAN KEPADA MAJLIS TERTINGGI, IANYA BOLEH DIRUJUKKAN KEPADA PERHIMPUNAN AGUNG. -- BERNAMA

2038MST 11 05 89